



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, **Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)]** serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan bertaraf Bumiputera (**Jika Berkaitan**) yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

<b>NO. TENDER</b>	<b>PERIHAL KERJA</b>	<b>HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>
MBJB/K/ 47/2026	<p>Perkhidmatan Menaiktaraf Sistem Kehadiran Bersepadu Berasaskan Ai Face Dan Smart CCTV Untuk Tempoh 12 Bulan Bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 23.6.2026 (Selasa) &amp; Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Teknikal Dan Rangkaian Jabatan Teknologi Maklumat Aras 4, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 Pagi Tarikh Tutup Tender : 14.7.2026 (Selasa) Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2026/07/PKH/1</p> <p><i>*TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>23.6.2026 hingga 10.7.2026</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210102 (Hardware (High End Technology) – All Types Of Server, Mainframe, High End Printers, Storage Area Network (SAN, NAS) Including Maintenance DAN 210103 (Software (Supply all computer software, Operating system, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance) DAN 210104 (Software/ System Development/ Customization And Maintenance Including Data Entry, Data Processing) DAN Sijil Pematuhan Cukai (TCC)</p> <p><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak</b></p>

MBJB/K/ 48/2026	<p>Membekal Dan Menghantar Peralatan Ict (Komputer, Notebook Dan Lain-Lain) Untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun 2026</p> <p>Tarikh Taklimat : 23.6.2026 (Selasa) &amp; Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Teknikal Dan Rangkaian Jabatan Teknologi Maklumat Aras 4, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 10.30 Pagi Tarikh Tutup : 14.7.2026 (Selasa) Tender : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2026/07/PRL/8</p> <p><b>*TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p>	RM300.00	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210101 (Hardware (Low End Technology) – Supply All Types Of Computer Hardware Including PC, Notebook, Printer, Document Scanner, Peripherals And Maintenance DAN 210102 (Hardware (High End Technology) – All Types Of Server, Mainframe, High End Printers, Storage Area Network (SAN, NAS) Including Maintenance DAN 210103 (Software (Supply all computer software, Operating system, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance) DAN Sijil Pematuhan Cukai (TCC)</p> <p><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak</b></p>
--------------------	--	----------	--

2. Penender diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan sebelum pendaftaran taklimat dilakukan melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan haruslah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan menepati syarat pendaftaran sebut harga / tender yang diiklankan. Sekiranya berlaku masalah ketika pendaftaran kehadiran taklimat akibat maklumat yang diberikan tidak menepati syarat lesen pendaftaran, pihak MBBJ tidak bertanggungjawab sekiranya pendaftaran kehadiran syarikat ditolak oleh pihak MBBJ.

3. Pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara bersemuka pada tempat, tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya penama di dalam lesen sahaja yang dibenarkan mendaftar (**TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**) dan hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian.
4. Pembelian perlu dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay**(<https://pbtpay.kpkt.gov.my>), sistem eKhidmat (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila Rujuk sistem iPerolehan MBBJ bagi penjualan tersebut.
5. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Pelaksana** pada waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 16.6.2026 (Selasa)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)
6. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ**, pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar / kurier.
7. Dokumen tender yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran sebelum pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti di atas sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab di atas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.

8. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.



**(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)**  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

1911/mz/jbh tender 2015